

D354

U B078 DEB  
MAHATHIR - SEDERHANA

ALOR STAR, 11 DIS. (BERNAMA) -- GURU-GURU AGAMA HARUS MENYEBAR NILAI-NILAI KESEDERHANAAN BAGI MENGELAK SIKAP KETERLALUAN DI KALANGAN MASYARAAAT ISLAM, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA, GURU-GURU AGAMA MERUPAKAN GOLONGAN YANG BERPENGARUH TERHADAP PEMIKIRAN DAN KEMAJUAN AGAMA DAN MASYARAKAT.

+SELAIN BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI KEMAJUAN PELAJARAN AGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH, MEREKA JUGA MEMBERI KEPIMPINAN DALAM BEBERAPA BIDANG,+ KATANYA DALAM BUKU CENDERAMATA KESATUAN KEBANGSAAN GURU-GURU AGAMA MALAYSIA BARAT YANG AKAN BERSIDANG DI SINI JUMAAT INI.

PERSIDANGAN TAHUNAN KE-14 KESATUAN ITU AKAN DIRASMIKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR SENDIRI DI BANGUNAN TUNKU DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN BERBANGGA DENGAN SUMBANGAN YANG DIBERIKAN OLEH GURU-GURU AGAMA.

+SAYA BERHARAP GURU-GURU AGAMA JUGA AKAN DAPAT MENYEBARKAN NILAI-NILAI KESEDERHANAAN SEBAGAI SUATU NILAI YANG DIUTAMAKAN OLEH ISLAM,+ KATANYA. -- LAGI.

1513MST 11 12 85

D557

B B204 DEB

MAHATHIR - SEDERHANA 2 ALOR SETAR

BELIAU BERKATA, DENGAN ADANYA NILAI-NILAI KESEDERHANAAN ITU, IA AKAN DAPAT MENGELAKKAN SIKAP KETERLALUAN DARIPADA +TERTANAM+ DI KALANGAN SESETENGAH MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PELBAGAI BIDANG DAN GURU-GURU AGAMA BERPERANAN MEMBANTU KERAJAAN MELAKSANAKAN TUJUAN ITU.

BELIAU YAKIN PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN YANG ADA PADA GURU-GURU AGAMA AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI SUMBANGAN MEREKA KEPADA KEMAJUAN PELAJARAN AGAMA DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PERSIDANGAN ITU AKAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG DIHARAPKAN. -- BERNAMA.

2127MST 11 12 85